



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	7/7/2011

Ia akan jadi lebih besar ketika negara capai status negara maju pada 2020

Dr. M bimbang tahap jurang kaum

KUALA LUMPUR 6 Julai - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad melahirkan kebimbangan bahawa jurang perbezaan antara kaum di negara ini akan menjadi lebih besar ketika negara mencapai status maju pada 2020.

Ia kata beliau, sekiranya ada kaum tertentu yang masih lagi ber-

paksikan jati diri mereka kepada negara asal dan gagal berasimilasi dengan masyarakat di negara ini.

"Apabila ada kaum tertentu yang masih mahu dikaitkan dengan negara asal dan mahu mengekalkan identiti itu, maka sudah semestinya proses asimiliasi itu akan menjadi mustahil," katanya dalam sesi soal jawab selepas me-

nyampaikan Syarahan Perdana bertajuk *Mentransformasi Negara Melangkaui 2020* di sini, hari ini.

Syarahan Perdana di hadapan kira-kira 1,700 profesor dari seluruh negara itu merupakan salah satu program dalam Kongres Majlis Profesor Negara (MPN) yang dianjurkan sempena setahun penubuhan Majlis Profesor Negara (MPN).

Dr. Mahathir menambah, isu perkauman juga menjadi cabaran besar kepada negara ketika ini berbanding 50 tahun lepas kerana golongan yang berfikiran terbuka, liberal dan ekstrimis lebih terkehadapan berbanding mereka yang rasional.

Ia katanya, ada kaitan dengan amalan demokrasi negara yang terlalu mengikut nilai dan sistem Ba-

rat yang begitu bebas dan terbuka.

"Dulu, kita tidak benarkan isu kaum dibincangkan secara terbuka, sebaliknya dibuat secara tertutup serta tidak melibatkan begitu ramai orang (pihak).

"Tetapi, hari ini kita sering bercakap mengenai isu perkauman dan ini tidak membantu kita (dalam soal perpaduan)," katanya.